

Ibu dalam pantang terima ijazah

UM 4/9/07

BATU PAHAT 3 Sept. - Seorang ibu yang masih dalam pantang selepas melahirkan anak keduanya adalah antara penerima Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional pada majlis konvokesyen Keenam Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dekat sini.

Sarah Abd. Hamid, 28, yang kini pensyarah di Kolej Komuniti Bentong Pahang dengan ditemani bayi yang baru dilahirkan, Muhammad Danish Khalish dan suaminya, Saiful Nizam Abd. Rahman, 30, menghadiri majlis tersebut, semalam.

Dia menerima ijazah sarjana itu daripada Canselor UTHM Tunku Mahkota, Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar.

Menurut Sarah, kelahiran anak keduanya yang kini berusia 34 hari dan segulung ijazah yang diterima adalah anugerah yang tidak ternilai.

Jelasnya, kedua-dua anugerah itu membuktikan bahawa walaupun bergelar ibu dia juga boleh berjaya dalam apa juga yang dicita-citakan.

Menurut Sarah, dia mula menuntut di UTHM ketika anak sulungnya, Muhammad Danish Hadis berusia 2 tahun 8 bulan, baru berusia tiga bulan.

Katanya, walaupun terpaksa mengorbankan perasaan dan masa bersama anaknya, dia menyuarkan semangat dan belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.

Menurut Sarah, menjadi ibu dan dalam masa yang sama bergelar pelajar bukanlah satu perkara mudah, tetapi sokongan padu keluarga dan suami memberinya semangat untuk mencapai kejayaan cemerlang.

Katanya, sewaktu sedang belajar, setiap minggu dia pulang ke Kuala Kubu Baru Selangor, bagi melepaskan rindu terhadap anak sulungnya itu.

Sementara itu suaminya, Saiful Nizam berka-
ta, dia bangga dengan semangat yang ditunjuk-



SARAH Abd. Hamid mendukung anaknya Muhammad Danish Khalish berkongsi kegembiraan bersama suaminya Saiful Nizam Abd. Rahman pada Majlis Konvokesyen UTHM yang Ke- 6 di Batu Pahat, semalam.

kan oleh isterinya yang terus belajar meskipun terpaksa meninggalkannya dan anak-anak selama lebih dua tahun.

"Sebagai suami saya sering menggalakkan Sarah melakukan apa yang diimpikan kerana sokongan itu perlu supaya dia lebih berjaya pada masa akan datang," jelasnya.